

**PM Ucap Takziah Kepada Keluarga Abu Zahar  
Bernama  
13 Julai, 2013**

KUALA LUMPUR, 13 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak mengucapkan takziah kepada keluarga bekas Ketua Menteri Melaka Allahyarham Datuk Seri Abu Zahar Ithnin.

"Takziah untuk keluarga Datuk Seri Abu Zahar Ithnin yang telah pulang ke rahmatullah. Al-Fatihah," katanya di dalam tweet terbaharu beliau, Sabtu.

Abu Zahar, 74, meninggal dunia di kediamannya akibat komplikasi kencing manis dan buah pinggang Jumaat.

Jenazah Allahyarham selamat dikebumikan di Makam Pahlawan Masjid Al-Azim, Melaka pagi ini.

Allahyarham merupakan ketua menteri Melaka kelapan dan menjawat jawatan itu dari 23 Mei 1997 hingga 2 Dis 1999.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=963038>